

28 MAR 2000

MAHKAMAH: KES LIWAT ANWAR DITANGGUH KE JUMAAT

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja di Mahkamah Tinggi di sini hari ini ditangguhkan sehingga Jumaat ini kerana timbalan kanan pendakwa raya Datuk Gani Patail tidak sihat.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh mengumumkan perkara itu hari ini.

Gani hari ini sepatutnya mengemukakan hujah terhadap permohonan Anwar memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi keterangan sebagai saksi.

Anwar, 52, dan Sukma masing-masing dituduh meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen milik Sukma, di Tivoli Villa Bukit Bandaraya di sini, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga menghadapi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

Mahkamah juga sepatutnya mendengar permohonan Menteri Kewangan Tun Daim mengetepikan sapina terhadap mereka berkaitan kes itu.

Rozilah berkata permohonan itu juga akan didengar pada hari yang sama kerana afidavit jawapan pembelaan terhadap afidavit kedua-dua mereka belum diserahkan.

-- BERNAMA

NHD RHM